



24 September 2012  
24 September 2012  
P.U. (A) 313

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PINDAAN)  
(NO. 2) 2012

*FOOD (AMENDMENT)(NO. 2) REGULATIONS 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PINDAAN) (NO. 2) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 Akta Makanan 1983 [Akta 281], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Makanan (Pindaan) (No. 2) 2012**.

**Pindaan am**

2. Peraturan-Peraturan Makanan 1985 [P.U. (A) 437/1985] yang disebut sebagai "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda-

- (a) dengan menggantikan perkataan "kanak-kanak" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "kanak-kanak kecil", kecuali bagi peraturan 91B dan Daftar IA, IB, IC, ID dan IE Jadual Keempat Belas;
- (b) dengan menggantikan perkataan "Pengarah Perkhidmatan Kesihatan" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Pengarah";
- (c) dengan menggantikan perkataan "b/b" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "berat bagi setiap berat";
- (d) dengan menggantikan perkataan "b/i" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "berat bagi setiap isi padu";
- (e) dengan menggantikan perkataan "i/i" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "isi padu bagi setiap isi padu"; dan
- (f) dengan menggantikan perkataan "i/b" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "isi padu bagi setiap berat".

### **Pindaan peraturan 2**

3. Peraturan 2 Peraturan-Peraturan ibu dipinda-

(a) dengan memasukkan selepas tafsiran “bahagian bagi setiap peratus (bsp)” tafsiran yang berikut:

‘ “bayi” ertinya seseorang yang baru lahir sehingga berumur dua belas bulan; ’;

(b) dengan memasukkan selepas tafsiran “bungkusan luar” tafsiran yang berikut:

‘ “kanak-kanak kecil” ertinya seseorang yang berumur lebih daripada dua belas bulan hingga tiga tahun; ’; dan

(c) dengan memasukkan selepas tafsiran “pembungkus tambahan” tafsiran yang berikut:

‘ “profesional kesihatan” ertinya pentadbir hospital, doktor perubatan, pegawai pemakanan, pegawai teknologi makanan, pegawai dietetik, pegawai farmasi, pegawai pendidikan kesihatan, pekerja sosial perubatan dan ketua kepada jururawat yang bekerja dalam sistem penjagaan kesihatan; ’.

### **Pindaan peraturan 11**

4. Peraturan 11 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (1) (ea) perenggan yang berikut:

“(ea) sebagai tambahan kepada kehendak yang ditetapkan dalam perenggan (1)(e), jika makanan itu mengandungi ramuan yang diketahui boleh menyebabkan hipersensitiviti, ramuan tersebut hendaklah dinyatakan pada label.”.

**Pindaan subperaturan 18(7)**

5. Subperaturan 18(7) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Makanan” perkataan “Berasaskan Tumbuhan”.

**Pindaan peraturan 18B**

6. Peraturan 18B Peraturan-Peraturan ibu dipinda-

(a) dengan menggantikan subperaturan (4A) subperaturan yang berikut:

“(4A) Bagi maksud peraturan ini, rujukan kepada “gula” hendaklah menjadi rujukan kepada semua monosakarida dan disakarida yang terkandung di dalam makanan sama ada secara asli atau ditambah.”; dan

(b) dalam subperaturan (11), dengan memasukkan selepas perkataan “iodin” perkataan dan butir-butir yang berikut:

“Kolina (mg) 550”.

**Pindaan subperaturan 89(3)**

7. Subperaturan 89(3) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “mengandungi” perkataan “sukralos sebagai bahan pemanis yang dibenarkan tidak melebihi 300 mg bagi setiap kg”.

**Peraturan baru 91B**

8. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 91A peraturan yang berikut:

**“Susu tepung rumusan untuk kanak-kanak**

91B. (1) Susu tepung rumusan untuk kanak-kanak hendaklah disediakan daripada susu lembu atau haiwan lain, dengan atau tanpa penambahan bahan lain yang berasal daripada haiwan atau tumbuhan, yang terbukti sesuai untuk kanak-kanak, dengan atau tanpa ramuan lain yang diperlukan untuk mencapai

komposisi perlu bagi produk sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan (4).

(2) Bagi maksud peraturan ini, “kanak-kanak” ertinya seseorang yang berumur daripada dua belas bulan hingga sembilan tahun.

(3) Susu tepung rumusan untuk kanak-kanak–

(a) hendaklah mengandungi–

(i) nutrien seperti yang ditetapkan dalam ruang (1) Daftar I Jadual Keenam Belas AA, dalam jumlah tidak kurang daripada seperti yang ditetapkan di dalam ruang (2) Daftar;

(ii) tidak kurang daripada 11.2 g bagi setiap 100 g lemak dan tidak lebih daripada 25 g bagi setiap 100 g lemak; dan

(iii) tidak kurang daripada 7 g bagi setiap 100 g protein daripada susu; dan

(b) boleh mengandungi bahan makanan lain yang sesuai termasuk koko, madu, jagung, soya, bijirin dan buah-buahan;

(c) boleh mengandungi kultur yang menghasilkan L(+) asid laktik;

(d) boleh mengandungi sukrosa, glukosa, fruktosa, sirap glukosa dan dekstrosa sebagai bahan pemanis yang dibenarkan. Jumlah keseluruhan kandungan sukrosa dalam susu tepung rumusan untuk kanak-kanak hendaklah tidak melebihi 12 g bagi setiap 100 g. Bagi susu tepung rumusan kanak-kanak

pelbagai perisa, jumlah keseluruhan kandungan sukrosa hendaklah tidak melebihi 20 g bagi setiap 100 g;

(e) boleh mengandungi ramuan pilihan seperti yang ditetapkan dalam ruang (1) Daftar II Jadual Keenam Belas AA dalam jumlah yang tidak melebihi perkadaran maksimum yang dibenarkan sebagaimana yang ditetapkan bertentangan dengannya dalam ruang (2) Daftar tersebut; dan

(f) boleh mengandungi-

(i) kondisioner makanan yang dibenarkan;

(ii) bahan perisa yang dibenarkan;

(iii) bahan pewarna yang dibenarkan; dan

(iv) antipengoksida yang dibenarkan seperti yang berikut:

(a) pekatan tokoferol campuran atau  $\alpha$ -tokoferol, secara tunggal atau dalam kombinasi, tidak melebihi 20 mg bagi setiap 100 g susu tepung; dan

(b) L-askorbil palmitat atau asid L-askorbik dan garam natrium atau kalsiumnya, secara tunggal atau dalam kombinasi, tidak melebihi 33 mg bagi setiap 100 g susu tepung, yang dinyatakan sebagai asid askorbik.

(4) Nutrien yang ditetapkan dalam Daftar I Jadual Kedua Belas boleh ditambah ke dalam susu tepung rumusan untuk kanak-kanak.

(5) Maka hendaklah ditulis pada label atas sesuatu bungkusan yang mengandungi susu tepung rumusan untuk kanak-kanak-

(a) dalam penghurufan tidak kurang daripada 12 poin, kecuali bagi bungkusan di bawah 250 g-

(i) perkataan "Susu tepung rumusan untuk kanak-kanak"; dan

(ii) kumpulan umur yang disyorkan;

(b) dalam penghurufan tidak kurang daripada 10 poin dan dalam huruf tebal pernyataan berikut:

(i) **"TIDAK SESUAI UNTUK BAYI DI BAWAH UMUR DUA BELAS (12) BULAN";**

(ii) **"SUSU IBU ADALAH MAKANAN TERBAIK UNTUK BAYI";** dan

(iii) **"PRODUK INI BUKAN SATU-SATUNYA MAKANAN UNTUK KANAK-KANAK";**

(c) jumlah tenaga yang dinyatakan dalam kilokalori (kcal) bagi setiap 100 g atau bagi setiap bungkusan, atau dinyatakan dalam kilojoule (kJ) bagi setiap 100 g atau bagi setiap bungkusan jika bungkusan itu mengandungi hanya satu bahagian dan bagi setiap hidangan sebagaimana yang dinyatakan kuantitinya pada label;

(d) jumlah protein, lemak dan karbohidrat yang dinyatakan dalam gram bagi setiap 100 g atau bagi setiap bungkusan jika bungkusan itu mengandungi hanya satu bahagian dan

bagi setiap hidangan sebagaimana yang dinyatakan kuantitinya pada label;

- (e) jumlah nutrien yang ditetapkan dalam ruang (1) Daftar I Jadual Keenam Belas AA hendaklah yang dinyatakan bagi setiap 100 g atau bagi setiap bungkusan jika bungkusan itu mengandungi hanya satu bahagian dan bagi setiap hidangan sebagaimana yang dinyatakan kuantitinya pada label;
- (f) cara menyediakan makanan itu yang hendaklah termasuk suatu pernyataan mengenai kuantiti atau amaun makanan itu yang diarah untuk digunakan dalam sediaan yang hendak diberikan kepada kanak-kanak;
- (g) suatu pernyataan mengesyorkan amaun makanan yang telah disediakan itu yang hendak diberikan pada sesuatu masa, dan kerapnya amaun itu perlu diberikan setiap hari; dan
- (h) arahan bagi penstoran dan maklumat tentang penyimpanannya sebelum dan selepas bungkusan itu dibuka.

(6) Susu tepung rumusan untuk kanak-kanak atau ramuan yang digunakan dalam membuat produk itu hendaklah tidak mengandungi minyak dan lemak separa terhidrogen, dan hendaklah tidak diperlakukan dengan radiasi mengion.”.

**Pindaan perenggan 224(2)(b)**

9. Perenggan 224(2)(b) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong perkataan “dari sayuran”.

**Peraturan baru 360C**

10. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 360B peraturan yang berikut:

**“Air dari mesin jual air**

360C. (1) Bagi maksud peraturan ini–

“mesin jual air” ertinya apa-apa mesin layan diri yang apabila dimasukkan syiling, token atau melalui apa-apa cara lain akan secara automatik mendispens unit isi padu air untuk diminum atau kegunaan lain yang melibatkan kemungkinan air itu diminum oleh manusia; dan

“air dari mesin jual air” ertinya apa-apa air yang didispens oleh mesin jual air, yang tidak diletakkan oleh pembotol di dalam bekas kedap untuk kegunaan manusia.

(2) Sebelum dijual, air dari mesin jual air itu hendaklah melalui proses–

(a) penurasan;

(b) satu atau lebih proses perlakuan yang berikut:

(i) Osmosis songsang;

(ii) Penyulingan;

(iii) Pengionan; atau

(iv) Apa-apa proses yang setara; dan

(c) penyahjangkitan.

(3) Air dari mesin jual air hendaklah mematuhi standard seperti yang ditetapkan di dalam Jadual Kedua Puluh Lima.

(4) Tiada seorang pun boleh mengendalikan mesin jual air bagi maksud perdagangan atau perniagaan melainkan jika lesen yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga Puluh diberi oleh Pengarah.

(5) Sesuatu permohonan untuk lesen di bawah subperaturan (4) hendaklah dibuat kepada Pengarah mengikut bentuk dan cara dan disertai dengan maklumat dan butiran yang dinyatakan oleh Pengarah, bersama dengan fi memproses sebanyak satu ratus tiga puluh ringgit yang tidak boleh dibayar balik.

(6) Dalam meluluskan sesuatu permohonan di bawah subperaturan (4) Pengarah boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkan patut berkaitan dengan pemprosesan air dan pengawasan yang berikutnya.

(7) Lesen untuk mengendalikan mesin jual air adalah sah bagi tempoh dua tahun dari tarikh dikeluarkan dan boleh diperbaharui melalui permohonan kepada Pengarah oleh pemegang lesen bersama dengan fi untuk pembaharuan lesen sebanyak satu ratus lima puluh ringgit.

(8) Seorang yang telah dikeluarkan lesen di bawah subperaturan (4) dan yang melanggar mana-mana terma dan syarat yang dikenakan oleh Pengarah, lesennya boleh digantung atau dibatalkan, dan Pengarah boleh meminda pada bila-bila masa syarat-syarat yang baginya lesen itu tertakluk.

(9) Fi untuk lesen yang diberikan di bawah subperaturan (4) hendaklah satu ratus lima puluh ringgit.”.

### **Pindaan subperaturan 390(10)**

11. Subperaturan 390(10) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) dalam penghurufan tidak kurang daripada 10 poin, perkataan “BUKAN UNTUK DIBERIKAN KEPADA BAYI DI BAWAH UMUR ENAM (6) BULAN MELAINKAN JIKA DINASIHATI OLEH PROFESIONAL KESIHATAN”;

### **Pindaan peraturan 391**

12. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 391 dengan peraturan yang berikut:

#### **“Makanan diproses yang berasaskan bijirin untuk bayi dan kanak-kanak kecil**

(1) Makanan diproses yang berasaskan bijirin untuk bayi dan kanak-kanak kecil-

(a) adalah bertujuan untuk diberi makan kepada bayi sebagai makanan pelengkap biasanya dari umur enam bulan ke atas, dengan mengambil kira keperluan pemakanan bayi secara individu, dan untuk diberi makan kepada kanak-kanak kecil sebagai sebahagian daripada diet progresif pelbagai;

(b) hendaklah makanan yang disediakan terutamanya daripada satu atau lebih bijirin yang dikisar, seperti gandum, beras, barli, oat, rai, jagung, millet, betari dan gandum kuda yang hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya dua puluh lima peratus (25%) campuran akhir berasaskan berat kering. Ia juga boleh mengandungi kekacang atau pulses, akar berkanji seperti akar busur, ubi keladi, ubi kayu, tangkai berkanji atau minyak biji benih dalam kuantiti yang kecil. Ramuan-ramuan lain yang sesuai untuk bayi yang berumur lebih daripada enam bulan dan bagi kanak-kanak kecil boleh digunakan;

- (c) hendaklah termasuk yang berikut:
- (i) Produk yang mengandungi bijirin yang disediakan atau perlu disediakan untuk diambil dengan susu atau cecair lain berzat yang sesuai;
  - (ii) Bijirin yang ditambah dengan makanan berprotein tinggi yang disediakan atau perlu disediakan untuk diambil dengan air atau cecair lain bebas protein yang sesuai;
  - (iii) Pasta yang dimakan selepas dimasak dalam air mendidih atau cecair lain yang sesuai; dan
  - (iv) Biskut rusk dan biskut yang dimakan sama ada secara terus atau, selepas dihancurkan, dengan menambah air, susu atau cecair lain yang sesuai.
- (d) hanya kultur yang menghasilkan L (+) asid laktik boleh digunakan; dan
- (e) jika mengandungi madu atau sirap maple, hendaklah diproses dengan sedemikian cara bagi menghapuskan spora *Clostridium botulinum*, sekiranya ada.

(2) Bagi maksud peraturan ini, makanan diproses yang berasaskan bijirin untuk bayi dan kanak-kanak kecil tidak termasuk makanan yang dijual sebagai rumusan bayi, rumusan susulan, rumusan susu tepung untuk kanak-kanak, atau makanan berkaling untuk bayi dan kanak-kanak kecil.

(3) Keperluan komposisi yang perlu berkenaan tenaga dan nutrien adalah merujuk kepada makanan diproses yang berasaskan bijirin yang sedia dimakan sebagaimana yang dipasarkan atau disediakan mengikut arahan pengilang.

(4) Kepadatan tenaga bagi makanan diproses yang berasaskan bijirin hendaklah tidak kurang daripada 0.8 kcal bagi setiap g bersamaan dengan 3.3 kJ bagi setiap g.

(5) Indeks kimia bagi protein yang ditambah dalam makanan berproses yang berasaskan bijirin hendaklah bersamaan dengan sekurang-kurangnya lapan puluh peratus (80%) daripada protein kasein rujukan, atau Kadar Efisien Protein (KEP) bagi protein dalam campuran hendaklah bersamaan dengan sekurang-kurangnya tujuh puluh peratus (70%) daripada kasein protein rujukan.

(6) L-asid amino dalam bentuk semula jadi boleh ditambah ke dalam makanan diproses yang berasaskan bijirin bagi tujuan memperbaiki nilai pemakanan bagi campuran protein dan hanya dalam kadar yang perlu bagi tujuan itu.

(7) Kandungan protein bagi makanan diproses yang berasaskan bijirin untuk bayi dan kanak-kanak kecil adalah seperti yang berikut:

(a) Bagi produk yang disebut dalam subperenggan (1)(c)(ii) dan (1)(c)(iv), kandungan protein hendaklah tidak melebihi 5.5 g bagi setiap 100 kcal atau 1.3 g bagi setiap 100 kJ; atau

(b) Bagi produk yang disebut dalam subperenggan (1)(c)(ii), kandungan protein yang ditambah hendaklah tidak kurang daripada 2 g bagi setiap 100 kcal atau 0.48 g bagi setiap 100 kJ; atau

(c) Bagi produk yang disebut dalam subperenggan (1)(c)(iv) yang dibuat dengan penambahan makanan berprotein tinggi, dan disediakan sedemikian, protein yang ditambah hendaklah tidak kurang daripada 1.5 g bagi setiap 100 kcal atau 0.36 g bagi setiap 100 kJ.

(8) Kandungan karbohidrat bagi makanan diproses yang berasaskan bijirin untuk bayi dan kanak-kanak kecil hendaklah seperti yang berikut:

(a) Jika sukrosa, fruktosa, glukosa, sirap glukosa atau madu ditambah pada produk yang disebut dalam subperenggan (1)(c)(i) dan (1)(c)(iv)–

(i) Jumlah karbohidrat yang ditambah daripada sumber ini hendaklah tidak melebihi 7.5 g bagi setiap 100 kcal atau 1.8 g bagi setiap 100 kJ; dan

(ii) Jumlah fruktosa yang ditambah hendaklah tidak melebihi 3.75 g bagi setiap 100 kcal atau 0.9 g bagi setiap 100 kJ.

(b) Jika sukrosa, fruktosa, glukosa, sirap glukosa atau madu ditambah pada produk yang disebut dalam subperenggan (1)(c)(ii)–

(i) Jumlah karbohidrat yang ditambah daripada sumber ini hendaklah tidak melebihi 5 g bagi setiap 100 kcal atau 1.2 g bagi setiap 100 kJ; dan

(ii) Jumlah fruktosa yang ditambah hendaklah tidak melebihi 2.5 g bagi setiap 100 kcal atau 0.6 g bagi setiap 100 kJ.

(9) Kandungan lipid bagi makanan diproses yang berasaskan bijirin untuk bayi dan kanak-kanak kecil adalah seperti yang berikut:

(a) Bagi produk yang disebut dalam subperenggan (1)(c)(ii), kandungan lipid hendaklah tidak melebihi 4.5 g bagi setiap 100 kcal atau 1.1 g bagi setiap 100 kJ.

(b) Jika kandungan lipid melebihi 3.3 g bagi setiap 100 kcal atau 0.8 g bagi setiap 100 kJ–

- (i) jumlah asid linoleik hendaklah tidak kurang daripada 300 mg bagi setiap 100 kcal atau 70 mg bagi setiap 100 kJ dan tidak melebihi 1200 mg bagi setiap 100 kcal atau 285 mg bagi setiap 100 kJ;
  - (ii) jumlah asid laurik hendaklah tidak melebihi lima belas peratus (15%) daripada jumlah kandungan lipid; dan
  - (iii) jumlah asid miristik hendaklah tidak melebihi lima belas peratus (15%) daripada jumlah kandungan lipid.
- (c) Bagi produk yang disebut dalam subperenggan (1)(c)(i) dan (1)(c)(iv), kandungan lipid hendaklah tidak melebihi 3.3 g bagi setiap 100 kcal atau 0.8 g bagi setiap 100 kJ.

(10) Kandungan natrium bagi makanan diproses yang berasaskan bijirin untuk bayi dan kanak-kanak kecil hendaklah tidak melebihi 100 mg bagi setiap 100 kcal atau 24 mg bagi setiap 100 kJ bagi produk yang sedia untuk dimakan.

(11) Kandungan kalsium bagi makanan diproses yang berasaskan bijirin untuk bayi dan kanak-kanak kecil hendaklah seperti yang berikut:

- (a) Kandungan kalsium hendaklah tidak kurang daripada 80 mg bagi setiap 100 kcal atau 20 mg bagi setiap 100 kJ bagi produk yang disebut dalam subperenggan (1)(c)(ii); atau
- (b) Kandungan kalsium hendaklah tidak kurang daripada 50 mg bagi setiap 100 kcal atau 12 mg bagi setiap 100 kJ bagi produk yang disebut dalam subperenggan (1)(c)(iv) yang dikilang dengan penambahan susu dan disediakan sedemikian.

(12) Kandungan vitamin B<sub>1</sub> (tiamin) bagi makanan diproses yang berasaskan bijirin untuk bayi dan kanak-kanak kecil hendaklah tidak kurang daripada 50 µg bagi setiap 100 kcal atau 12.5 µg bagi setiap 100 kJ.

(13) Bagi produk yang disebutkan dalam subperenggan (1)(c)(ii)–

(a) jumlah vitamin A (bersamaan µg retinol) hendaklah tidak kurang daripada 60 µg bagi setiap 100 kcal atau 14 µg bagi setiap 100 kJ dan tidak lebih daripada 180 µg bagi setiap 100 kcal atau 43 µg bagi setiap 100 kJ. Had ini juga terpakai kepada makanan diproses lain yang berasaskan bijirin apabila vitamin A ditambah; dan

(b) jumlah vitamin D hendaklah tidak kurang daripada 1 µg bagi setiap 100 kcal atau 0.25 µg bagi setiap 100 kJ dan tidak lebih daripada 3 µg bagi setiap 100 kcal atau 0.75 µg bagi setiap 100 kJ. Had ini juga terpakai kepada makanan diproses lain yang berasaskan bijirin apabila vitamin D ditambah.

(14) Makanan diproses yang berasaskan bijirin untuk bayi dan kanak-kanak kecil yang sedia untuk dimakan dan disediakan mengikut arahan pengilang boleh mengandungi aditif makanan sebagaimana yang dinyatakan–

(a) dalam Daftar I, ruang (1) Jadual Kedua Puluh Tiga dalam kadar tidak melebihi kadar yang dinyatakan bersetentangan dengannya dalam ruang (2) Jadual tersebut; dan

(b) dalam Daftar II Jadual Kedua Puluh Tiga dan kadar maksimum yang dibenarkan hendaklah menurut Amalan Pengilangan Yang Baik.

(15) Walau apa pun subperaturan (14), kondisioner makanan lain yang disenaraikan di dalam Daftar I Jadual Kesebelas boleh terdapat dalam makanan

diproses yang berasaskan bijirin untuk bayi dan kanak-kanak kecil akibat dibawa masuk melalui bahan mentah.

(16) Makanan diproses yang berasaskan bijirin untuk bayi dan kanak-kanak kecil atau ramuan yang digunakan dalam pembuatan produk tersebut hendaklah tidak mengandungi minyak dan lemak separa terhidrogen, dan hendaklah tidak diperlakukan dengan radiasi mengion.

(17) Label pada bungkusan yang mengandungi makanan diproses yang berasaskan bijirin untuk bayi dan kanak-kanak kecil hendaklah ditulis-

(a) dalam penghurufan tidak kurang daripada 10 poin-

- (i) perkataan "BUKAN UNTUK DIBERIKAN KEPADA BAYI DI BAWAH UMUR ENAM (6) BULAN MELAINKAN JIKA DINASIHATI OLEH PROFESIONAL KESIHATAN";
- (ii) bentuk makanan diproses yang berasaskan bijirin untuk bayi dan kanak-kanak kecil seperti "Bijirin Kering untuk Bayi (dan/atau Kanak-Kanak Kecil)", "Biskut Rusk untuk Bayi (dan/atau Kanak-Kanak Kecil)", "Biskut atau Biskut Susu untuk Bayi (dan/atau Kanak-Kanak Kecil)" atau "Pasta untuk Bayi (dan/atau Kanak-Kanak Kecil)" mengikut mana-mana yang berkenaan dengan nama biasa bijirin itu; dan
- (iii) perkataan "UNTUK KESIHATAN BAYI YANG OPTIMUM, PENYUSUAN SUSU IBU PERLU DITERUSKAN SEHINGGA UMUR DUA (2) TAHUN DI SAMPING MEMBERI MAKANAN PELENGKAP". dan

(b) dalam penghurufan tidak kurang daripada 4 poin-

- (i) jumlah tenaga, dinyatakan dalam kilokalori (kcal) dan kilojoule (kJ), dan jumlah protein, karbohidrat, lemak, vitamin dan kandungan mineral bagi setiap 100 gram makanan itu sebagaimana yang dijual dan bagi setiap hidangan sebagaimana yang dinyatakan kuantitinya pada label;
- (ii) arahan mengenai kaedah menyediakan makanan dan penyimpanannya sebelum dan selepas bungkusannya dibuka;
- (iii) suatu pernyataan bahawa makanan diproses yang berasaskan bijirin untuk bayi dan kanak-kanak kecil hendaklah tidak boleh diberikan melalui botol atau apa-apa perkataan lain yang serupa ertinya; dan
- (iv) bagi produk yang disebutkan dalam subperenggan (1)(c)(i), arahan pada label boleh menyatakan “Hanya susu boleh digunakan untuk pencairan atau campuran” atau pernyataan yang sama.

(18) Butir-butir yang dikehendaki oleh perenggan 17(b)(ii) boleh ditulis pada risalah yang disertakan.

(19) Tiada label bagi makanan diproses yang berasaskan bijirin untuk bayi dan kanak-kanak kecil boleh mempamerkan apa-apa gambar, grafik atau tulisan yang memberi tanggapan keunggulan penggunaan produk.

(20) Tiada gambar dan grafik bayi kurang daripada enam bulan boleh dipamerkan pada mana-mana label makanan diproses yang berasaskan bijirin untuk bayi dan kanak-kanak kecil.

(21) Makanan diproses yang berasaskan bijirin untuk bayi dan kanak-kanak kecil hendaklah bebas daripada saki baki hormon, antibiotik dan racun perosak, dan hendaklah mematuhi kehendak cecair logam yang dinyatakan dalam Daftar I, IA, IB, IC, ID dan IE Jadual Keempat Belas.”.

**Pindaan subperaturan 394(1)**

13. Subperaturan (1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Jadual Kedua Puluh Lima” perkataan “Jadual Kedua Puluh Lima A”.

**Pindaan Jadual Keempat Belas**

14. Jadual Keempat Belas Peraturan-Peraturan ibu dipinda-

- (a) dalam Daftar IA, dengan memasukkan selepas perkataan “bayi” perkataan “, kanak-kanak kecil”;
- (b) dalam Daftar IB, dengan memasukkan selepas perkataan “bayi” perkataan “, kanak-kanak kecil”;
- (c) dalam Daftar IC, dengan memasukkan selepas perkataan “bayi” perkataan “, kanak-kanak kecil”;
- (d) dalam Daftar ID, dengan memasukkan selepas perkataan “bayi” perkataan “, kanak-kanak kecil”; dan
- (e) dalam Daftar IE, dengan memasukkan selepas perkataan “bayi” perkataan “, kanak-kanak kecil”.

**Jadual baru Keenam Belas AA**

15. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Keenam Belas A jadual yang berikut:

“JADUAL KEENAM BELAS AA

(Peraturan 91B)

PARAS NUTRIEN BAGI SUSU TEPUNG RUMUSAN UNTUK KANAK-KANAK

DAFTAR I  
PARAS NUTRIEN

(1) <i>Nutrien</i>	(2) <i>Paras minimum (bagi setiap 100 g)</i>
Biotin (µg)	3.8
Kalsium (mg)	175
Tenaga (kcal)	384
Asid folik (µg)	64
Iodin (µg)	28
Besi (mg)	1.4
Magnesium (mg)	22.8
Nikotinamida (mg)	2.5
Asid pantotenik (mg)	0.9
Riboflavin (vitamin B <sub>2</sub> ) (mg)	0.2
Selenium (µg)	5.9
Tiamina (vitamin B <sub>1</sub> ) (mg)	0.2
Vitamin A (µg)	132
Vitamin B <sub>6</sub> (mg)	0.2
Vitamin B <sub>12</sub> (µg)	0.4
Vitamin C (mg)	9.4
Vitamin D (µg)	1.5
Vitamin E (mg)	1.7
Vitamin K <sub>1</sub> (µg)	5.9
Zink (mg)	1.5

Catatan: 1 kilojoule (kJ) adalah bersamaan dengan 0.239 kilokalori (kcal)

DAFTAR II  
RAMUAN PILIHAN DALAM SUSU TEPUNG RUMUSAN UNTUK KANAK-KANAK

(1) <i>Ramuan pilihan</i>	(2) <i>Paras maksimum</i>
Nukleotida <sup>1</sup>	16 mg bagi setiap 100 kcal
Campuran oligosakarida yang mengandungi 90% (berat bagi setiap berat) galakto-oligosakarida (GOS) dan 10% (berat bagi setiap berat) frukto-oligosakarida rantai panjang (lcFOS)	0.8 g bagi setiap 100 ml

Lutein	50 µg bagi setiap 100 ml
--------	--------------------------

Catatan: “1” ertinya 5'-monofosfat boleh ditambah kepada susu tepung rumusan untuk kanak-kanak sehingga tahap maksimum 16 mg bagi setiap 100 kcal. Sekurang-kurangnya empat nukleotida yang terdiri daripada dua nukleotida purina dan dua nukleotida pirimidina hendaklah digunakan: adenosina 5'-monofosfat, guanosina 5'-monofosfat dan inosina 5'-monofosfat (purina) dan sitidina 5'-monofosfat dan uridina 5'-monofosfat (pirimidina). Nukleotida purina hendaklah mengandungi maksimum 45% daripada jumlah keseluruhan nukleotida yang ditambah.”.

### Pindaan Daftar III, Jadual Kedua Puluh Satu A

16. Jadual Kedua Puluh Satu A Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Daftar III daftar yang berikut:

#### “DAFTAR III RAMUAN PILIHAN DALAM RUMUSAN SUSULAN

(1) <i>Ramuan pilihan</i>	(2) <i>Paras maksimum</i>
Nukleotida <sup>1</sup>	16 mg bagi setiap 100 kcal
Galakto-oligosakarida (GOS)	0.72 g bagi setiap 100 ml
Campuran oligosakarida yang mengandungi 90% (berat bagi setiap berat) galakto-oligosakarida (GOS) dan 10% (berat bagi setiap berat) frukto-oligosakarida rantai panjang (lcFOS)	0.8 g bagi setiap 100 ml
Lutein	50 µg bagi setiap 100 ml
Asid sialik	67 mg bagi setiap 100kcal

Catatan: “1” ertinya 5'-monofosfat boleh ditambah kepada susu tepung rumusan untuk kanak-kanak sehingga tahap maksimum 16 mg bagi setiap 100 kcal. Sekurang-kurangnya empat nukleotida yang terdiri daripada dua nukleotida purina dan dua nukleotida pirimidina hendaklah digunakan: adenosina 5'-monofosfat, guanosina 5'-monofosfat dan inosina 5'-monofosfat (purina) dan sitidina 5'-monofosfat dan uridina 5'-monofosfat (pirimidina). Nukleotida purina hendaklah mengandungi 45% maksimum daripada jumlah keseluruhan nukleotida yang ditambah.”.

**Pindaan Jadual Kedua Puluh Tiga**

17. Jadual Kedua Puluh Tiga Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Kedua Puluh Tiga dengan jadual yang berikut:

## "JADUAL KEDUA PULUH TIGA

[Subperaturan 391(14)]

ADITIF MAKANAN YANG DIBENARKAN DALAM MAKANAN DIPROSES YANG  
BERASASKAN BIJIRIN UNTUK BAYI DAN KANAK-KANAK KECIL

## DAFTAR I

	(1) <i>Aditif makanan</i>	(2) <i>Kadar maksimum bagi 100 g produk</i>
1.	<p>PENGEMULSI</p> <p>Lesitin</p> <p>Ester asid asetik dan asid lemak gliserol Ester asid sitrik dan asid lemak gliserol Ester asid laktik dan asid lemak gliserol Mono- dan digliserida</p>	<p>1500 mg</p> <p>} 500 mg tunggal atau kombinasi</p>
2.	<p>PENGAWAL ASID</p> <p>Dinatrium tartrat Dikalium tartrat-L(+) bentuk sahaja L(+) - Asid tartarik - L(+) bentuk sahaja Monokalium tartrat-L(+) bentuk sahaja Mononatrium tartrat Kalium natrium L(+) tartrat L(+) bentuk sahaja</p> <p>Dikalsium ortofosfat Dinatrium ortofosfat Dikalium ortofosfat Monokalsium ortofosfat Monokalium ortofosfat Mononatrium ortofosfat Asid ortofosforik Trikalium ortofosfat Trikalium ortofosfat Trinatrium ortofosfat</p>	<p>} 500 mg tunggal atau dalam kombinasi dan tartrat sebagai residu dalam biskut dan rusk</p> <p>} hanya untuk pelarasan pH 440 mg secara tunggal atau dalam kombinasi sebagai fosforus</p>

3.	<p><b>ANTIPENGOXIDA</b></p> <p>Alfa-tokoferol Campuran tokoferol pekat</p> <p>L-Askobil palmitat</p> <p>L-Asid askorbik Kalium askorbat Natrium askorbat</p> <p>Kalsium askorbat</p>	<p>300 mg bagi setiap kg berasaskan lemak atau minyak tunggal atau dalam kombinasi</p> <p>200 mg bagi setiap kg lemak</p> <p>50 mg dinyatakan sebagai asid askorbik</p> <p>20 mg dinyatakan sebagai asid askorbik</p>
4.	<p><b>PEMEKAT</b></p> <p>Gam kacang karob Gam guar Gam arabik Pektin (beramida dan tidak beramida) Gam xantan</p> <p>Asitil dwikanji adifat Asitil dwikanji fosfat Kanji teroksida berasetil Dwikanji fosfat Monokanji fosfat Kanji teroksida Dwikanji fosfat berfosfat Kanji asetat terester dengan asetik anhidrida Kanji natrium oktenil suksinat</p>	<p>1000 mg secara tunggal atau dalam kombinasi</p> <p>2000 mg dalam makanan berasaskan bijirin bebas gluten</p> <p>5000 mg secara tunggal atau dalam kombinasi</p>
5.	<p><b>AGEN ANTIPENGERAKAN</b></p> <p>Silikon dioksida (amorf)</p>	<p>200 mg untuk bijirin kering sahaja</p>
6.	<p><b>BAHAN PERISA</b></p> <p>Etil vanillin Vanillin</p>	<p>7 mg 7 mg</p>

DAFTAR II

MAKANAN DIPROSES YANG BERASASKAN BIJIRIN UNTUK BAYI DAN KANAK-KANAK  
KECIL BOLEH MENGANDUNGI ADITIF MAKANAN YANG DISENARAIKAN SEPERTI  
YANG BERIKUT

1. PENGAWAL ASID

Asid asetik  
Kalsium asetat  
Kalsium karbonat  
Kalsium sitrat  
Kalsium hidroksida  
Kalsium laktat – L(+) - bentuk sahaja  
Asid sitrik  
Asid hidroklorik  
L(+) Asid laktik  
Asid malik (DL) – L(+) - bentuk sahaja  
Monokalium sitrat  
Mononatrium sitrat  
Kalium asetat  
Kalium hidrogen karbonat  
Kalium hidroksida  
Kalium laktat (larutan) – L(+) - bentuk sahaja  
Natrium asetat  
Natrium hidrogen karbonat  
Natrium hidroksida  
Natrium laktat (larutan) – L(+)- bentuk sahaja  
Trikalium sitrat  
Trinatrium sitrat

2. AGEN PENAIK

Ammonium karbonat  
Ammonium hidrogen karbonat  
Natrium karbonat  
Natrium hidrogen karbonat

3. BAHAN PERISA

Ekstrak vanillin  
Ekstrak buah semulajadi”.

**Pindaan Jadual Kedua Puluh Lima**

18. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Kedua Puluh Lima dengan jadual yang berikut:

## "JADUAL KEDUA PULUH LIMA

[Subperaturan 360B(3) dan 360C(3)]

## STANDARD BAGI AIR MINUMAN BERBUNGKUS DAN AIR DARI MESIN JUAL AIR

## 1. Standard fizikal

<i>Sifat fizikal</i>	<i>Kadar maksimum yang dibenarkan</i>
pH	6.5-8.5
Warna (Unit Warna Sebenar)	5
Kekeruhan (Unit kekeruhan nefelometrik)	0.1

## 2. Standard kimia

<i>Kimia</i>	<i>Paras maksimum yang dibenarkan dalam miligram bagi setiap liter (mg/l)</i>
Aldrin/Dieldrin	tiada
Aluminium (sebagai Al)	0.04
Ammonia (sebagai N)	0.1
Detergen Anionik (MBAS)	0
Antimoni	0.001
Arsenik (sebagai As)	0.001
Barium	0.14
Biosida (Jumlah)	0.02
Boron	0.1
Bromodiklorometana	0.012*
Bromoform	0.02*
Kadmium (sebagai Cd)	0.0006
Ekstrak karbon kloroform	0.1
<i>Chlordane</i>	tiada
Klorida (sebagai Cl)	50
Kloroform	0.006*
Klorpirifos	tiada
Kromium (sebagai Cr)	0.01
Kuprum (sebagai Cu)	0.2
Sianida (sebagai CN)	0.014
2,4-D	tiada
DDT	tiada
Dibromoklorometana	0.02*
Endosulfan	tiada
Fluorida (sebagai F)	0.6
Kekerasan (sebagai CaCO <sub>3</sub> )	100
Heptaklor & heptaklor epoksida	tiada
Heksaklorobenzena	tiada
Besi (sebagai Fe)	0.06
Plumbum (sebagai Pb)	0.002
Lindana	tiada

Magnesium	30
Mangan (sebagai Mn)	0.02
Merkuri (sebagai Hg)	0.0002
Metoksiklor	tiada
Minyak mineral	0.06
Nitrit (dihitung sebagai NO <sub>2</sub> <sup>-</sup> )	0.04 <sup>#</sup>
Nitrat (dihitung sebagai NO <sub>3</sub> <sup>-</sup> )	10 <sup>#</sup>
Nitrat (dihitung sebagai N)	2
Nikel	0.004
Fenol	0.0004
Residu klorin (Bebas)	0.04
Selenium (sebagai Se)	0.002
Argentum (sebagai Ag)	0.01
Natrium (sebagai Na)	40
Stirena	0.02
Sulfat (sebagai SO <sub>4</sub> )	50
Zink (sebagai Zn)	0.6

### 3. Standard Bakteriologi

<i>Bakteria</i>	<i>Kaedah</i>	<i>Kiraan bagi setiap 100 ml</i>
Jumlah koliform	1. Kaedah tiub berbilang(37°C/48 jam)	(i) hendaklah tidak melebihi 10 (Bilangan Paling Mungkin); dan  (ii) hendaklah tidak boleh dikesan dalam 2 sampel berturut-turut.
	2. Turas membran	(i) min aritmetik bagi semua sampel bulanan adalah 1 koloni bagi setiap 100 ml; dan  (ii) tidak lebih daripada 4 koloni bagi setiap 100 ml dalam 2 sampel berturut-turut.
<i>Escherichia coli</i> atau koliform termotoleran	Kaedah tiub berbilang	Tiada (Bilangan Paling Mungkin)
<i>Streptococci</i> najis	Turas membran	Tiada dalam 100 ml
<i>Pseudomonas aeruginosa</i>	Turas membran	Tiada dalam 100 ml

<i>Clostridium perfringens</i>	Turas membran	Tiada dalam 100 ml
Anaerob penurun sulfid	Turas membran	Tiada dalam 100 ml

## 4. Radioaktiviti

Gross $\alpha$	0.1 Bq/l
Gross $\beta$	1.0 Bq/l

## CATATAN:

1. \* Jumlah nisbah kepekatan bagi setiap satu kepada paras maksimum yang dibenarkan masing-masing hendaklah tidak melebihi 1

$$\frac{C_{\text{kloroform}}}{ML_{\text{kloroform}}} + \frac{C_{\text{bromoform}}}{ML_{\text{bromoform}}} + \frac{C_{\text{dibromoklorometana}}}{ML_{\text{dibromoklorometana}}} + \frac{C_{\text{bromodiklorometana}}}{ML_{\text{bromodiklorometana}}} \leq 1$$

C : kepekatan daripada keputusan analisis sampel air

ML : paras maksimum yang dibenarkan

2. # Jumlah nisbah kepekatan bagi setiap satu kepada paras maksimum yang dibenarkan masing-masing hendaklah tidak melebihi 1

$$\frac{C_{\text{nitrit}}}{ML_{\text{nitrit}}} + \frac{C_{\text{nitrat}}}{ML_{\text{nitrat}}} \leq 1$$

C : kepekatan daripada keputusan analisis sampel air

ML : paras maksimum yang dibenarkan".

**Jadual Baru Kedua Puluh Lima A**

19. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Kedua Puluh Lima jadual yang berikut:

**"JADUAL KEDUA PULUH LIMA A**

[Subperaturan 394(1)]

STANDARD BAGI AIR

## 1. Standard fizikal

<i>Sifat fizikal</i>	<i>Kadar maksimum yang dibenarkan</i>
pH	6.5-8.5
Warna (Unit Warna Sebenar)	15
Kekeruhan (Unit kekeruhan nefelometrik)	2

## 2. Standard kimia

<i>Kimia</i>	<i>Paras maksimum yang dibenarkan dalam miligram bagi setiap liter (mg/l)</i>
Aldrin/Dieldrin	0.00003
Aluminium (sebagai Al)	0.2
Ammonia (sebagai N)	0.5
Detergen Anionik (MBAS)	1
Antimoni	0.005
Arsenik (sebagai As)	0.01
Barium	0.7
Biosida (Jumlah)	0.1
Bromodiklorometana	0.06*
Bromoform	0.1*
Boron	0.5
Kadmium (sebagai Cd)	0.003
Ekstrak karbon kloroform	0.5
<i>Chlordane</i>	0.0002
Klorida (sebagai Cl)	250
Kromium (sebagai Cr)	0.05
Kloroform	0.2*
Klorpirifos	0.03
Kuprum (sebagai Cu)	1
Sianida (sebagai CN)	0.07
2,4-D	0.03
DDT	0.001
Dibromoklorometana	0.1*
Endosulfan	0.03
Fluorida (sebagai F)	0.6
Kekerasan (sebagai CaCO <sub>3</sub> )	500
Heptaklor & heptaklor epoksida	0.00003
Heksaklorobenzena	0.001
Besi (sebagai Fe)	0.3
Lindana	0.002
Plumbum (sebagai Pb)	0.01
Mangan (sebagai Mn)	0.1
Magnesium	150
Merkuri (sebagai Hg)	0.001
Metoksiklor	0.02
Minyak mineral	0.3
Nikel	0.02
Nitrit (dihitung sebagai NO <sub>2</sub> <sup>-</sup> )	0.2 <sup>#</sup>
Nitrat (dihitung sebagai NO <sub>3</sub> <sup>-</sup> )	50 <sup>#</sup>
Nitrat (dihitung sebagai N)	10
Fenol	0.002
Residu klorin (Bebas)	Tidak kurang daripada 0.2

Selenium (sebagai Se)	0.01
Argentum (sebagai Ag)	0.05
Natrium (sebagai Na)	200
Stirena	0.2
Sulfat (sebagai SO <sub>4</sub> )	250
Zink (sebagai Zn)	3

### 3. Standard Bakteriologi

<i>Bakteria</i>	<i>Kaedah</i>	<i>Kiraan bagi setiap 100 ml</i>
Jumlah koliform	1. Kaedah tiub berbilang(37°C/48 jam)	(i) hendaklah tidak melebihi 10 (Bilangan Paling Mungkin); dan  (ii) hendaklah tidak boleh dikesan dalam 2 sampel berturut-turut.
	2. Turas membran	(i) min aritmetik bagi semua sampel bulanan adalah 1 koloni bagi setiap 100 ml; dan  (ii) tidak lebih daripada 4 koloni bagi setiap 100 ml dalam 2 sampel berturut-turut.
<i>Escherichia coli</i> atau koliform termotoleran	Kaedah tiub berbilang	Tiada (Bilangan Paling Mungkin)
<i>Streptococci</i> najis	Turas membran	Tiada dalam 100 ml
<i>Pseudomonas aeruginosa</i>	Turas membran	Tiada dalam 100 ml
<i>Clostridium perfringens</i>	Turas membran	Tiada dalam 100 ml
Anaerob penurun sulfid	Turas membran	Tiada dalam 100 ml

### 4. Radioaktiviti

Gross $\alpha$	0.1 Bq/l
Gross $\beta$	1.0 Bq/l

CATATAN:

- \* Jumlah nisbah kepekatan bagi setiap satu kepada paras maksimum yang dibenarkan masing-masing hendaklah tidak melebihi 1

$$\frac{C_{\text{kloroform}}}{ML_{\text{kloroform}}} + \frac{C_{\text{bromoform}}}{ML_{\text{bromoform}}} + \frac{C_{\text{dibromoklorometana}}}{ML_{\text{dibromoklorometana}}} + \frac{C_{\text{bromodiklorometana}}}{ML_{\text{bromodiklorometana}}} \leq 1$$

C : kepekatan daripada keputusan analisis sampel air  
 ML: paras maksimum yang dibenarkan

- # Jumlah nisbah kepekatan bagi setiap satu kepada paras maksimum yang dibenarkan masing-masing hendaklah tidak melebihi 1

$$\frac{C_{\text{nitrit}}}{ML_{\text{nitrit}}} + \frac{C_{\text{nitrat}}}{ML_{\text{nitrat}}} \leq 1$$

C : kepekatan daripada keputusan analisis sampel air  
 ML: paras maksimum yang dibenarkan”.

**Jadual Baru Ketiga Puluh**

- Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Kedua Puluh Sembilan jadual yang berikut:

“JADUAL KETIGA PULUH

[Subperaturan 360C(4)]

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN- PERATURAN MAKANAN 1985

No. Lesen .....

LESEN UNTUK MENGENDALIKAN MESIN JUAL AIR

Lesen dengan ini diberikan kepada .....

yang memiliki mesin jual air dengan No. Siri ..... yang terletak di

.....  
 .....

Lesen ini tertakluk kepada syarat yang boleh dikenakan menurut subperaturan 360c  
(6) dan sah sehingga .....

Tarikh: .....

.....  
*Pengarah,  
Kementerian Kesihatan Malaysia".*

Dibuat 27 Ogos 2012  
[KKM-163/S/6 Jld.5; PN(PU2)418/XVII]

Dato' Sri Liow Tiong Lai  
*Menteri Kesihatan*

FOOD ACT 1983

FOOD (AMENDMENT) (NO. 2) REGULATIONS 2012

IN exercise of the powers conferred by section 34 of the Food Act 1983 [Act 281], the Minister makes the following regulations:

**Citation**

